

**Simulasi Pilihan Raya Antara Penambahbaikan Modul PLKN - Zahid Hamidi
Bernama
23 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Simulasi proses pilihan raya, di mana proses pemilihan pemimpin kerajaan dibuat secara praktikal bermula daripada pembubaran Dewan Rakyat sehingga pilihan raya selesai, adalah antara penambahbaikan yang dilakukan dalam modul kenegaraan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata simulasi dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) itu akan dimasukkan dalam modul kenegaraan di semua 79 kem PLKN di seluruh negara bermula tahun depan dengan 14 kem dipilih sebagai perintis pada tahun ini.

"Simulasi ini merupakan penambahbaikan dalam modul kenegaraan yang diharap dapat memberi kefahaman kepada pelatih-pelatih PLKN tentang pentingnya penglibatan mereka di dalam proses pilihan raya serta demokrasi yang diamalkan di negara ini," katanya selepas melancarkan pemilihan PLKN siri 10/2013 di sini pada Isnin.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) Datuk Abdul Hadi Awang Kechil, Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) Datuk Dr Tiki Lafe dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Sementara itu Abdul Hadi berkata kesemua pelatih yang terlibat dalam modul itu akan berlakon sebagai calon dan penyokong untuk membentuk 'kerajaan mini' serta dibenarkan mempamer poster semasa berkempen.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682590>

